



28 Disember 2017
28 December 2017
P.U. (A) 423

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN
HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM
(PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2017

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES
(AMENDMENT OF FIRST AND SECOND SCHEDULES)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN
PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM
(PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri Kewangan membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2018.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Bahagian I Jadual Pertama—

(a) dalam perenggan 13, dengan menggantikan perkataan “seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]” dengan perkataan “seksyen 235 Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]”;

(b) dalam perenggan 24, dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 24 perenggan yang berikut:

“25. (1) Aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana orang yang menyediakan mana-mana atau mana-mana kombinasi perkhidmatan yang berikut:

- (a) pertukaran mata wang digital untuk mata wang;
- (b) pertukaran mata wang untuk mata wang digital;
- (c) pertukaran sesuatu mata wang digital untuk mata wang digital yang lain,

sama ada dalam menjalankan perniagaan pertukaran mata wang digital atau selainnya.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “mata wang digital” ertinya representasi nilai secara digital yang berfungsi sebagai suatu perantara pertukaran dan boleh ditukar dengan apa-apa mata wang, termasuk melalui pengkreditan atau pendebitan sesuatu akaun, tetapi tidak termasuk wang elektronik, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], yang dikeluarkan oleh pengeluar wang elektronik yang diluluskan di bawah Akta-Akta itu.”.

Pindaan Jadual Kedua

3. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan kepala “Akta Syarikat 1965 [Akta 125]” dan butiran yang berhubungan dengannya, dengan kepala dan butiran yang berikut:

Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	
Seksyen 43	Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan

	syer atau debentur atau mempelawa untuk menandatangani wang
Seksyen 213	Kewajipan dan tanggungjawab pengarah
Seksyen 217	Tanggungjawab pengarah nomini
Seksyen 218	Larangan terhadap penggunaan tidak wajar harta, jawatan, dsb.
Seksyen 219	Kewajipan untuk membuat penzahiran
Seksyen 221	Penzahiran kepentingan dalam kontrak, kontrak yang dicadangkan, harta, jawatan, dsb.
Seksyen 222	Pengarah yang berkepentingan tidak boleh mengambil bahagian atau mengundi
Seksyen 223	Kelulusan syarikat dikehendaki bagi pelupusan perusahaan atau harta syarikat oleh pengarah
Seksyen 224	Pinjaman kepada pengarah
Seksyen 225	Larangan memberi pinjaman kepada orang yang berkaitan dengan pengarah
Seksyen 226	Larangan terhadap bayaran bebas cukai kepada pengarah
Seksyen 228	Transaksi dengan pengarah, pemegang syer substansial atau orang yang berkaitan
Seksyen 246	Sistem kawalan dalaman
Seksyen 584	Memberikan maklumat dan butir-butir tentang pemegangan syer
Seksyen 591	Pernyataan yang palsu dan mengelirukan

Seksyen 592	Laporan palsu
Seksyen 593	Laporan atau pernyataan yang palsu kepada Pendaftar
Seksyen 594	Mendorong orang untuk melaburkan wang secara fraud
Seksyen 595	Fraud oleh pegawai
Seksyen 596	Sekatan ke atas penawaran syer, debentur, dsb., bagi langganan atau pembelian

”; dan

- (b) dengan memasukkan, selepas kepala “Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53]” dan butiran yang berhubungan dengannya, kepala dan butiran yang berikut:

“

Akta Skim Kepentingan 2016 [Akta 778]	
Seksyen 3	Pengeluaran dan kehendak bagi pendaftaran skim
Seksyen 23	Kelayakan bagi pelantikan sebagai pemegang amanah
Seksyen 27	Larangan mengeluarkan prospektus atau pernyataan penzahiran produk tanpa surat ikatan amanah atau perjanjian kontraktrual yang diluluskan
Seksyen 28	Kehendak untuk mendaftarkan dan menyerah simpan prospektus atau pernyataan penzahiran produk
Seksyen 35	Iklan tertentu disifatkan sebagai prospektus atau pernyataan penzahiran produk
Seksyen 40	Liabiliti jenayah bagi pernyataan silap dalam prospektus atau